

PENDEKATAN AMAR MAKRUF DAN NAHI MUNGKAR DALAM KERANGKA HISBAH: AMALAN PENGUAT KUASA JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA

APPROACHES OF AMAR MAKRUF NAHI MUNGKAR IN THE FRAMEWORK OF HISBAH: PRACTICE BY SYARIAH CRIMINAL ENFORCEMENT IN MALAYSIA

Alias Azhar¹
Muhammad Hafiz Badarulzaman²

¹Prof.Madya, Pusat Pengajian Undang-undang, (UUMCOLGIS) Universiti Utara Malaysia.

Email: az.alias@uum.edu.my

²Pensyarah, Pusat Pengajian Undang-undang, (UUMCOLGIS) Universiti Utara Malaysia.

Accepted date: 14 April 2018

Published date: 1 July 2018

To cite this document:

Azhar, A., & Badarulzaman, M. H. (2018). Pendekatan Amar Makruf Dan Nahi Mungkar Dalam Kerangka Hisbah: Amalan Penguat Kuasa Jenayah Syariah Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(9), 57–68.

Abstrak: Artikel ini membincangkan pendekatan amar makruf dan nahi mungkar dalam kerangka Hisbah yang mengkhususkan kepada amalan penguat kuasa jenayah syariah di Malaysia. Kuasa ini diberikan kepada pegawai-pegawai penguat kuasa jenayah syariah di Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Bidangkuasa penguatkuasaan jenayah Syariah adalah tertakluk kepada bahagian penguatkuasa, jabatan agama Islam negeri-negeri. Penganalisaan data menggunakan kaedah analisis kandungan (content analysis) dan kaedah analisis hukum yang biasanya diguna pakai oleh kalangan fuqaha Islam di dalam membuat penilaian terhadap sesuatu konsep hukum yang dikeluarkan oleh seseorang fuqaha yang lain turut dijalankan. Usaha meneliti secara terperinci terhadap alasan, kaedah pemetikan hukum dan sumber rujukan yang digunakan dalam sesuatu karya yang dipilih. Dalam konteks kajian ini, penelitian khusus diberikan terhadap konsep dan pentafsiran hisbah dan muhtasib, amar makruf nahi mungkar dan peranan penguatkuasa jenayah syariah di Malaysia. Secara umumnya, bidangkuasa ini merupakan tanggungjawab hisbah secara umum. Prosedur dan modus operandi pihak berkuasa dalam mencegah jenayah syariah memenuhi kriteria amar makruf nahi mungkar dalam kerangka hisbah.

Kata kunci: Hisbah, Penguat kuasa, Amar Makruf Nahi Mungkar, Muhtasib, Jenayah Syariah

Abstract: This article discusses the approach of the act of enjoining good and forbidding evil (*al-amar bi al-ma'ruf wa al-nahy an al-munkar*) in Hisbah framework which specializes in the practice of syariah criminal enforcement in Malaysia. This authority is given to syariah criminal enforcement officers in the state Islamic Religious Department. The jurisdiction of Syariah criminal enforcement

is subject to the enforcement division, the state Islamic religious department. Data analysis using content analysis methods and legal analysis methods commonly used by Islamic jurists in evaluating a legal concept issued by another jurisdiction is also carried out. Examine in detail on the reasons, the rule of law and reference sources used in a chosen work. In the context of this study, special research is given to the concept and interpretation of hisbah and muhtasib, amar makruf nahi mungkar and the role of Islamic law enforcement in Malaysia. Generally, this jurisdiction is the responsibility of hisbah in general. The procedures and modus operations of the authorities in preventing Syariah crimes meet the criteria of amar makruf nahi mungkar in the framework of the Hisbah.

Key words: Hisbah, Enforcement, act of enjoining good and forbidding evil (*al-amar bi al-ma'ruf wa al-nahy an al-munkar*), Muhtasib, Syariah Criminal

Pendahuluan

Manusia sebagai hamba dan khalifah Allah dipertanggungjawabkan untuk menegakkan yang ma'ruf dan mencegah yang mungkar. Namun manusia mempunyai kecenderungan untuk lalai dan lupa. Di dalam tradisi Islam, *Hisbah* ialah instrumen khusus untuk memainkan peranan membetulkan kepincangan bagi memastikan ma'ruf ditegakkan dan mungkar dicegah. Tujuan asas *Hisbah* untuk mengawasi masyarakat daripada melanggar syariat. Peranan ini adalah merupakan tugas manusia di muka bumi. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Dan hendaklah ada di antara kamu kelompok yang menyeru manusia kepada kebijakan dan yang menyuruh manusia berbuat segala perkara baik dan melarang manusia daripada segala perkara buruk. Dan manusia yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya.” (Ali Imran: 104)

Setiap individu memikul tanggungjawab untuk pengawasan peringkat pertama terhadap dirinya sendiri. Namun masyarakat memikul tanggungjawab bersama untuk saling ingat mengingati satu sama lain apabila berlaku pelanggaran syariat dan hukum. Malah al-Quran menyatakan ciri ini ialah sifat asasi bagi memenuhi kriteria umat terbaik.

Keperluan untuk tegur menegur dan melarang perbuatan mungkar ini adalah amat kritikal dan diberikan perhatian yang berat di dalam Islam. Malah manusia diingatkan bahawa kegagalan melaksanakannya akan mendatangkan natijah yang sangat buruk. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Orang-orang kafir Yahudi telah dilaknat melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa ibni Maryam. Hal ini berlaku kerana mereka menderhaka dan selalu menceroboh serta tidak saling larang melarangi perbuatan (buruk) yang dilakukan oleh mereka. Sesungguhnya amat buruk perbuatan yang telah dilakukan mereka.” (al-Maidah: 78-79)

Al-Imam al-Ghazali, (1990) (meninggal 505H) dalam kitabnya *Ihya 'Ulum al-Din* telah mengariskan rukun-rukun pelaksanaan *Hisbah*. Rukun ketiga aplikasi konsep *Hisbah* ialah:

“Hendaklah kemungkaran tersebut zahir (jelas) kepada ahli Hisbah tanpa perlu melakukan intipan. Sesiapa yang menutup sesuatu kemaksiatan di dalam rumahnya, dan mengunci pintunya maka tidak harus untuk kita mengintipnya. Allah Ta'ala telah melarang hal ini”.

Prof. Dr Yusof al-Qaradhawi (1984) telah merekodkan Kisah 'Umar dan 'Abd al-Rahman bin 'Auf sebagai panduan umum dalam menjelaskan konsep *Hisbah*. Kisahnya seperti berikut;

“Begin juga apa yang diriwayatkan bahawa ‘Umar r.a. telah memanjang rumah seorang lelaki dan mendapatinya dalam keadaan yang tidak wajar. Lelaki tersebut telah membantah ‘Umar dan berkata: “Jika aku menderhakai Allah pada satu perkara, sesungguhnya engkau telah menderhakai-Nya pada tiga perkara. ‘Umar bertanya: “Apa dia?”. Dia berkata: Allah Taala telah berfirman (maksudnya: Jangan kamu mengintip mencari kesalahan orang lain). Sesungguhnya engkau telah melakukannya. Allah berfirman: (Maksudnya: Masukilah rumah melalui pintu-pintunya). Sesungguhnya engkau telah memanjang dari bumbung. Allah berfirman: (maksudnya: janganlah kamu masuk ke dalam manamana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu lebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penduduknya). Sesungguhnya engkau tidak memberi salam. Maka ‘Umar pun meninggalkannya. Maka ketahuilah bahawa sesiapa yang mengunci pintu rumahnya dan bersembunyi di sebalik dindingnya, maka tidak harus seseorang memasuki tanpa izin daripadanya hanya kerana ingin mengetahui perbuatan maksiat. Kecuali jika ia nyata sehingga diketahui oleh sesiapa yang berada di luar rumah tersebut.”

Pelaksanaan *Hisbah* dewasa ini cenderung memberi fokus kepada pengawasan individu dan pencegahan daripada melakukan maksiat. Konsep *Hisbah* jelas menunjukkan bahawa setiap individu mempunyai hak untuk tidak dihibahkan maksiat yang dilakukan. Bahkan pelaku maksiat diberikan ruang dan peluang oleh Allah untuk bertaubat atas dosa dan maksiat yang telah dilakukan.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk sosio-perundangan iaitu satu kaedah penulisan yang menyatukan dua bidang utama dalam penulisan iaitu sains sosial dan undang-undang. Oleh kerana undang-undang dibentuk sebagai mekanisme untuk mengurus hal ehwal dan konflik yang timbul dalam masyarakat sosial, undang-undang mempunyai hubungan yang rapat dan sukar dipisahkan dengan masyarakat (Rohani Abdul Rahim, 2002). Kajian ini akan turut melibatkan penulisan secara sistematik ke atas isu-isu perundangan yang baru dan terkini dengan menggunakan keaslian dan kreativiti yang tinggi melalui kaedah perundangan tradisional atau konvensional yakni melibatkan proses menyatakan (*stating*), menginterpretasi (*interpreting*) dan menerangkan undang-undang sedia ada (*clarifying the existing law*) di dalam sesuatu bidang perundangan (Mahdi Zahraa, 1998). Kajian seumpama ini melibatkan perancangan yang sistematis, penyiasatan, pemerhatian, analisis dan teknik yang kritikal. Secara khususnya, kaedah perundangan tradisional ini boleh dibahagikan kepada empat kaedah pula iaitu kaedah falsafah, sejarah, analitis dan kritis serta metod perbandingan (Walker, 1969).

Selain itu, teknik pentafsiran undang-undang yang terdiri daripada *literal rule*, *golden rule*, *mischief rule* dan *purposive approach* akan diguna pakai mengikut kesesuaian khususnya bagi mencapai objektif pertama dan ketiga. Ringkasnya, *literal rule* digunakan apabila sesuatu perkataan dalam statut adalah jelas dan nyata dan sepatutnya dibaca dan diaplakasikan mengikut makna yang biasa. *Mischief rule* pula digunakan apabila makna sesuatu peruntukan adalah kabur dan tidak dapat dipastikan objektifnya. Kaedah ini akan melihat niat di sebalik perundangan berkenaan. Seterusnya *golden rule* digunakan apabila perkataan-perkataan di dalam sesuatu statut adalah biasa tetapi apabila diaplakasikan akan menghasilkan sesuatu yang tidak masuk akal ataupun mendatangkan ketidakadilan, manakala *purposive rule* pula mentafsirkan statut dengan merujuk kepada tujuan sesuatu statut itu digubal. Kaedah ini memberikan penekanan dengan memberi kesan kepada tujuan badan perundangan menggubal sesuatu statut. Ini bermakna peruntukan-peruntukan statut ditafsirkan dengan memberi kesan kepada niat penggubal undang-undang (Anwarul Yaqin, 2007).

Penganalisaan data menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dan kaedah analisis hukum yang biasanya diguna pakai oleh kalangan fuqaha Islam di dalam membuat penilaian terhadap sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh seseorang fuqaha yang lain akan dijalankan. Ia akan meneliti secara terperinci terhadap alasan, kaedah pemetikan hukum dan sumber rujukan yang digunakan dalam sesuatu karya yang dipilih. Dalam konteks kajian ini, penelitian khusus akan diberikan kepada konsep *Hisbah* dalam perundangan Islam dan peruntukan kesalahan khawat terkandung dalam perundangan jenayah syariah di Malaysia. Di samping itu, dua metod penganalisaan iaitu induktif dan deduktif telah digunakan.

Pendekatan ini penting bagi melihat dan mengenali bentuk-bentuk yang terkandung di dalam taburan data-data khususnya konsep dan prinsip *Hisbah* yang terkandung di dalam fiqh dakwah dan aplikasi konsep amar makruf nahi mungkar. Data-data ini akhirnya dirumus dan dibuat kesimpulan.

Konsep Amar Makruf Nahi Mungkar

Maksud amar makruf ialah mengajak manusia melakukan perkara kebaikan, manakala nahi mungkar pula ialah mencegah manusia dari melakukan perkara yang tidak baik. Oleh itu, perkataan dakwah dan amar makruf dan nahi mungkar selalu digunakan untuk merujuk kepada maksud yang sama, iaitu mengajak manusia ke arah kebaikan dan meninggalkan kemungkaran. Dalam al-Qur'an, perkataan amar makruf dan nahi mungkar digunakan sekurang-kurangnya lapan kali (lihat al-Qur'an, surah Ali-'Imran 3:104, 110, 114; al-A'raf 7:157; al-Taubah 9:71, 112; al-Hajj 22:41; Luqman 31:17), semua merujuk kepada tanggungjawab kolektif setiap Muslim dalam melaksanakan kewajipan di atas. Maksud firman Allah s.w.t.:

Hendaklah terdapat antara kamu segolongan yang menyeru dengan kebaikan dan mencegah dari kemungkaran. Itulah golongan yang berjaya" (Ali-'Imran (3) :104, 114). Kewajipan Muslim melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar sebagai tugas dakwah juga disebut dalam sebuah hadith bermaksud:

"Siapa yang melihat kemungkaran hendaklah dia mengubahnya (*taghyir*) dengan tangan, jika dia tidak mampu hendaklah mengubahnya dengan lidah, jika dia tidak mampu hendaklah dia mengubahnya dengan hati, dan yang demikian itu adalah selemah-lemah iman" (*Sahih Muslim*, 'Kitab al-iman', 380).

Dalam hadith di atas, Rasulullah SAW menggunakan istilah *taghyir* yang bermaksud kewajipan untuk mengubah perkara yang tidak baik kepada yang lebih baik dan mencegah sesuatu kemungkaran dari berlaku. Juga, hadith itu menunjukkan bahawa setiap Muslim harus melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar secara berperingkat: pertama ialah dengan tindakan; kedua ialah dengan perkataan; ketiga ialah dengan hati. Berdasarkan hujah ini, perkataan dakwah mencakupi perbuatan amar makruf dan nahi mungkar kerana amar makruf ialah ajakan untuk melakukan amalan yang baik, manakala nahi mungkar ialah ajakan untuk menjauhi perbuatan tidak baik.

Berdasarkan ayat al-Qur'an di atas (Q3:104), kewajipan melaksanakan amar makruf dan nahi munkar menjadi kewajipan ke atas sebahagian sahaja dari kalangan umat Islam. Dalam erti kata yang lain, ia bermaksud tugas amar makruf dan nahi munkar adalah fardu kifayah. Namun, ia juga boleh bertukar menjadi fardu 'ain berdasarkan kes seperti berikut: apabila seorang individu sahaja yang tahu bahawa perkara yang sedang berlaku itu adalah salah dan dia sahaja yang mempunyai kemampuan untuk menanganinya (al-Nawawi, 1994).

Ayat al-Qur'an yang kedua (Q3:114) dan juga hadith di atas menunjukkan bahawa kewajipan amar makruf dan nahi mungkar itu wajib ke atas setiap individu Muslim. Selain itu, Muhammad b. Jarir al-Tabari (2001) (m. 313/925) menegaskan bahawa umat Islam tidak dibenarkan membiarkan sahaja kemungkaran berlaku supaya dapat mengelakkan dari mendapat bencana Allah SWT (al-Tabari, 1997). Al-Nawawi (1994) berpandangan bahawa perkataan *taghyir* itu memberi maksud arahan yang wajib dilaksanakan. Ibn Taymiyyah (1976) pula menambah, tugas mencegah kemungkaran yang disebut dalam hadith itu adalah fardu kifayah berdasarkan kepada kemampuan yang ada pada setiap individu. Ketiga-tiga pandangan ini memberikan konklusi yang jelas bahawa amar makruf dan nahi mungkar adalah wajib ke atas setiap Muslim.

Oleh itu, dengan mengambil kira pandangan beberapa fuqaha' di atas, wujud beberapa kriteria. Kriteria yang pertama ialah tugas amar makruf dan nahi mungkar itu hukumnya fardu kifayah. Kriteria yang kedua ialah fungsi amar makruf dan nahi mungkar adalah tonggak kepada keunggulan umat Islam sejagat (umat terbaik yang pernah dilahirkan di kalangan manusia). Kriteria yang ketiga ialah tugas amar makruf dan nahi mungkar berkait rapat dengan proses ta'dib (mendidik).

Konsep *Hisbah*

Peranan Institusi *Hisbah*

Peranan institusi *Hisbah* dalam perkembangannya dan kejayaannya menstruktur suasana dan keadaan ekonomi di negara Islam agar berjalan di atas landasan yang mantap dan dibenarkan syarak. Peranannya bukan sahaja membanteras perkara-perkara mungkar yang bersifat luaran tetapi menjangkau soal-soal spiritual, akhlak dan moral individu yang berurusan dalam sistem ekonomi Islam tersebut. Prinsip amar ma'ruf dan nahi munkar yang menjadi asas utama kepada institusi ini ialah prinsip yang universal dan sesuai dilaksanakan pada semua peringkat kehidupan dan zaman. Tambahan pula ia termasuk dalam kategori siyasah syar'iyyah yang boleh diubahsuai pelaksanaannya mengikut peredaran masa dan tempat.

Institusi *Hisbah* merupakan sebuah institusi yang pernah memainkan peranan penting dalam negara Islam sedikit masa dahulu. Ia ialah institusi yang menjaga dan mengawasi kemaslahatan umum masyarakat Islam termasuk kegiatan politik, sosial dan ekonomi. Sehubungan itu, ada di kalangan ahli ilmuan Islam mendefiniskan institusi *Hisbah* sebagai satu badan pengawasan yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk mengawasi kegiatan individu dalam perkara yang berkaitan dengan akhlak, agama dan ekonomi (kehidupan sosial secara umumnya) dengan tujuan mengekalkan keadilan dan kemuliaan sebagaimana yang dianjurkan oleh syariat Islam dan bersesuaian pula dengan suasana persekitaran dan masa.

Sejarah menunjukkan bahawa kewujudan institusi *Hisbah* berjalan seiring dengan perkembangan agama Islam itu sendiri. Ini kerana Islam ialah satu agama yang menganjurkan manusia supaya melakukan amal ma'ruf dan mencegah daripada melakukan kemungkaran yang boleh merosakkan masyarakat. Amalan *Hisbah* telah dibuktikan dengan jelas pada zaman Nabi SAW di mana terdapat hadis-hadis yang menunjukkan perlakuan *Hisbah*. Antaranya hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a (Al-Tirmizi, 1980):

"Bawha Rasulullah SAW pada suatu ketika telah berjalan melalui satu longgokan makanan (di pasar), lalu baginda Rasulullah SAW telah memasukkan tangannya ke dalam longgokan tersebut, jari Baginda SAW tersentuh sesuatu yang basah lantas Rasulullah SAW bertanya

kepada penjual itu: "Apakah semua ini?" Jawab penjual tersebut: Makanan ini terkena hujan. Nabi Muhammad SAW bersabda: "Kenapa engkau tidak meletakkannya di atas supaya dapat dilihat oleh orang ramai, baginda SAW menyambung lagi: Sesiapa yang menipu maka dia bukan dari kalangan kami."

Selepas kewafatan Nabi SAW tugas *Hisbah* diteruskan lagi oleh para Khulafa al-Rasyidin. Kebanyakan daripada mereka melakukan sendiri tugas *Hisbah* ini, di samping melantik beberapa orang pembantu untuk melancarkan lagi perjalanan tugas mereka. Diriwayatkan bahawa Saidina Umar r.a. telah melantik al-Sa'ib bin Yazid bersama-sama Abdullah bin Utbah sebagai penguasa pasar Madinah dan beliau juga telah melantik wanita sebagai pembantunya di mana Sayyidah al-Syifa dan Sayyidah Samra' binti Nuhaik telah ditugaskan mengawasi pasar Madinah (Muhammad Abd. Al-Qadir, 1986)

Pengasingan institusi ini daripada institusi-institusi lain dalam kerajaan Islam dikatakan berlaku pada masa pemerintahan kerajaan Abbasiyah tahun 157 Hijrah, di mana khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah memberi ruang kepada penguasa *Hisbah* (muhtasib) untuk mentadbir institusi ini secara penuh sambil dibantu oleh pembantu yang dikenali sebagai "arif" dan "amin". Khalifah Abu Ja'far telah melantik Abu Zakariyyah Yahya bin Abdullah sebagai ketua para muhtasib pada ketika itu. Apabila penjajahan kuasa-kuasa barat berlaku di kebanyakan negara Islam maka institusi *Hisbah* telah mengalami perubahan dan mula kehilangan identiti asalnya. Pada masa tersebut, institusi *Hisbah* ada yang diserapkan ke institusi lain dan ada juga terus dikekalkan tetapi tidak lagi berfungsi sebagaimana biasa.

Fungsi asal institusi *Hisbah* amat luas seluas pengertian ma'ruf dan mungkar itu sendiri. Mohd Parid Sheikh Ahmad & Mohd Azmi Omar (1991) pula menjelaskan bahawa bidang tugas institusi ini amat luas di mana terkandung di dalamnya hak-hak berkaitan Allah SWT, hak-hak manusia dan hak-hak bersama. Imam al-Mawardi (1989) ketika mengulas berkaitan hak-hak yang berkaitan dengan institusi *Hisbah* telah mengemukakan contoh-contoh seperti berikut:

a. Perkara yang berkaitan dengan hak-hak Allah SWT

Perkara berkaitan dengan hak-hak Allah dalam soal ma'ruf meliputi semua jenis ibadat seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan ibadat-ibadat lain. Muhtasib dalam hal ini bertanggungjawab memastikan hak-hak Allah ini ditunaikan oleh orang Islam yang berada di bawah jagaannya. Manakala dalam soal mencegah mungkar pula perkara yang bersangkutan dengan hak-hak Allah ini terbahagi kepada tiga iaitu perkara yang berkaitan dengan ibadat, tegahan (mahzurat) serta muamalah dan munakahat (al-Mawardi: Ibid.)

Dalam soal ibadat contohnya muhtasib berhak mencegah orang yang tidak berpuasa dengan sengaja, orang yang tidak membayar zakat, orang yang tidak menuaikan sembahyang atau ibadat lainnya. Dalam soal mahzurat pula muhtasib diberi kuasa untuk mencegah perbuatan yang boleh menimbulkan syak seperti melarang lelaki dan perempuan daripada berbual di tempat-tempat yang sunyi dan melarang daripada mempamerkan arak dan alat hiburan yang diharamkan. Seterusnya dalam perkara muamalah, muhtasib berhak mencegah perbuatan zina, nikah yang diharamkan Islam, riba dan penipuan dalam urusan jual beli.

b. Perkara yang berkaitan dengan hak-hak manusia

Menegakkan ma'ruf dalam perkara yang berkaitan dengan hak-hak manusia ini terbahagi kepada dua iaitu hak umum dan hak khusus. Hak umum melibatkan perkara yang berkaitan dengan kepentingan awam, sebagai contohnya kerosakan benteng di sempadan, masalah bekalan air dan musafir. Muhtasib dalam soal ini perlu menangani setiap masalah awam yang berbangkit itu dengan sebaiknya sama ada mendapatkan bantuan kerajaan atau bantuan lain. Hak khusus pula membabitkan masalah individu seperti masalah hutang yang gagal dijelaskan pada masanya, dalam hal ini muhtasib boleh bertindak mendesak orang yang berhutang membayarnya. (al-Mawardi,1966.)

Perkara kemungkaran yang berhubung dengan hak-hak manusia pula meliputi semua jenis urusan yang berlaku antara manusia dengan manusia. Perbuatan yang menimbulkan kesulitan dan memudaratkan manusia lain ketika berurusan adalah dilarang dan boleh dicegah oleh muhtasib. Contohnya, perbuatan menyakiti hati jiran dengan cara mencerobohi hak miliknya, sikap sambil lewa ketika bertugas, tidak amanah, tidak cekap dan tidak menjaga mutu barang.

c. Perkara berkaitan dengan hak-hak bersama

Bidang ma'ruf dalam perkara yang berkaitan dengan akhlak bersama ini antaranya adalah dengan menyuruh para wali mengahwinkan anak perempuannya dengan lelaki yang sekufu dengannya, memastikan perempuan yang beridah mematuhi tempoh idahnya dan memastikan pemilik haiwan memberi makanan yang secukupnya kepada haiwan ternakannya (Mohd Parid Sheikh Ahmad & Mohd Azmi Omar (1991).

Bidang mungkar dalam hak-hak bersama pula termasuklah kewajipan mencegah manusia daripada mencari keaiban orang lain. Contohnya, menegah imam daripada memanjangkan sembahyang sehingga menyusahkan makmum yang uzur dan berkepentingan. Termasuk juga mlarang pemilik haiwan membebani haiwannya dengan muatan yang berat dan berlebihan.

Peranan umum yang dimaksudkan ialah peranan institusi *Hisbah* dalam menegakkan ma'ruf dan mencegah mungkar yang bersifat umum iaitu pelaksanaannya menyeluruh dan tidak terbatas kepada tempat-tempat tertentu sahaja. Biasanya ia melibatkan perkara-perkara yang bersangkutan dengan nilai-nilai keagamaan dan kepentingan awam.

Pendekatan Amar Makruf Nahi Mungkar Dalam Kerangka *Hisbah*

Secara umumnya *Hisbah* bermaksud pelaksanaan *al-Amr bi ma 'ruf* (menyuruh kepada kebaikan) apabila jelas ia ditinggalkan dan *al-Nahyu 'an al-Munkar* (pencegahan kemungkaran) apabila jelas ia dilakukan (al-Ghazali, 1980). Prinsip *al-amr bil makruf wa nahyu anil munkar* merupakan asas kepada perlaksanaan *As Siyasah As Syariyyah* dan menepati kehendak *Maqasid As Syariah*. Perlaksanaan prinsip ini tidak hanya tertumpu kepada institusi *Hisbah* tetapi melibatkan seluruh institusi Islam samada ketenteraan, polis, kehakiman, kewangan dan institusi *Hisbah* sendiri (Ibn Taymiyyah, 1982). Imam Ghazali (1980) telah menyatakan bahawa terdapat empat elemen (rukun) di dalam institusi *Hisbah* iaitu *Muhtasib* (pegawai penguatkuasa), *muhtasab alaih* (pihak yang melakukan kemungkaran), *muhtasab fih* (bidang kuasa pegawai penguatkuasa) dan *ihtisab* (tindakan atau penalti yang dikenakan terhadap orang melakukan kemungkaran).

Hal yang sama turut ditegaskan di dalam *Al Ahkam Al Sultaniyyah Wa Al Wilayah Ad Diniyyah* bahawa wujudnya rukun-rukun tersebut walaupun tidak tersusun sepenuhnya seperti penulisan Imam al Ghazali (Al Mawardi, 1966). Ibn al Farra' juga bersetuju dengan kewujudan rukun *Hisbah* seperti yang dinyatakan di dalam *Ihya Ulumuddin* (Ibn Al Faraa', 1938). Malahan Yahya Ibn Umar (1956) yang banyak menceritakan salah satu rukun *Hisbah* iaitu *Muhtasib* turut memuatkan elemen yang sama namun elemen tersebut bercampur aduk dan tidak tersusun. Keempat-empat rukun ini amat penting bagi memastikan institusi *Hisbah* berjalan menurut syariat Islam.

Pensyariatan *Hisbah* dapat dilihat melalui prinsip utama *Hisbah* iaitu *al-amr bil makruf wa nahi anil munkar*. Prinsip utama ini yang mengangkat konsep mengajak kepada kebaikan dan melarang daripada melakukan kejahatan perlu dilakukan oleh setiap strata masyarakat di Malaysia mahupun mana-mana negara Islam. Justeru, setiap ayat yang berkaitan dengan prinsip *al-amr bil makruf wa nahi anil munkar* serta konsep keadilan dan kebenaran adalah dianggap sebagai dalil-dalil yang mensyariatkan *Hisbah* (Abd. Allah Muhammad `Abd Allah, 1996).

Nas-nas yang berkaitan prinsip utama *Hisbah* ini merupakan pensyariatan yang perlu dilaksanakan dalam sesebuah negara Islam (Abd al-Karim Zaydan, 1998). Ini dapat dijelaskan melalui firman Allah swt yang bermaksud:

“*dan hendaklah ada di antara kamu satu puak Yang menyeru (berdakwah) kepada kebijakan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik, serta melarang daripada Segala Yang salah (buruk dan keji). dan mereka Yang bersifat demikian ialah orang-orang Yang berjaya*”.(Surah Al Imran :104)

Mengikut *Tafsir Al-Jalalain*, perkataan ‘segolongan’ membawa maksud suatu kelompok yang bertanggungjawab dalam melaksanakan prinsip tersebut dan hukumnya *fardhu kifayah* (As Suyuti, 2003). Manakala *Tafsir Al Quran Al Adzim* menyatakan bahawa ayat tersebut merupakan tuntutan Allah SWT terhadap segolongan umat Islam yang bertugas untuk mengembangkan urusan *al-amr bil makruf wa nahi anil munkar*, sekalipun urusan tersebut memang diwajibkan ke atas setiap individu di kalangan umat hari ini (Ibn Kathir, 1999).

Peranan Pegawai Penguat kuasa Jenayah Syariah Sebagai Muhtasib

Berdasarkan penulisan klasik, Abd al-Rahman Ibn Khaldun (1405M) mendefinisikan *Muhtasib* sebagai satu jawatan agama yang meliputi pengawasan terhadap pelbagai kegiatan mungkar. Fungsi *Muhtasib* merangkumi aspek sosial, politik dan ekonomi. Imam Taqiyuddin Abu Abbas Ahmad Ibn Taimiyyah (1982) tidak memberikan definisi secara spesifik apa yang dimaksudkan *Muhtasib*. Beliau sekadar menjelaskan peranan dan fungsi *Muhtasib* yang secara tidak langsung membentuk definisi dan deskripsi *Muhtasib* itu sendiri. Ulama'-ulama tersohor seperti Abd Rahman Ibn Nasr Al Shayzari (1946), Abu Hasan Ali Al Basri Al Mawardi (1966) Abu Hamid Muhammad Al Ghazali (1980) turut memberikan penekanan terhadap bidang tugas dan peranan *Muhtasib* dalam institusi *Hisbah* tanpa menghurai panjang definisi *Muhtasib*.

Penulisan terkini telah menyimpulkan definisi *Muhtasib* berdasarkan kepada bidang tugas, peranan dan fungsi seperti yang dinyatakan di dalam penulisan klasik. Menurut Mohd. Parid Sheikh Ahmad & Mohd. Azmi Omar (1991) *Muhtasib* merupakan pegawai penguat kuasa yang dilantik oleh pemerintah untuk menjalankan tugas *al-amr bil makruf wa nahi anil munkar*. Mardzelah Makhsin (2010) mendefinisikan *Muhtasib* sebagai orang yang menjalankan tugas-tugas *Hisbah*, sama ada

terdiri daripada pemimpin sendiri seperti yang dilaksanakan di zaman pemerintahan Khulafa' al Rasyidin atau dilantik secara rasmi daripada kalangan orang tertentu sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW yang telah melantik Said bin al `As sebagai *Muhtasib* di Makkah.

Berdasarkan kepada seluruh definisi dan penjelasan yang diberikan, dapatlah disimpulkan bahawa *Muhtasib* merupakan pegawai penguatkuasa yang bukan hanya berperanan dalam hal-hal ritual tetapi turut bertanggungjawab dalam hal-hal pentadbiran dan sosial yang menjalankan tugas tugas *al-amr bil makruf wa nahi anil munkar*.

Menurut Abd Karim Zaidan (1998), syarat-syarat perlantikan *Muhtasib* adalah seperti syarat-syarat perlantikan kadi kerana kedua-duanya merupakan institusi yang mengurus pentadbiran undang-undang dan kehakiman Islam. Hasil penulisan beliau, Mardzelah Makhsin (2010) telah merumuskan bahawa terdapat lima kriteria utama bagi perlantikan seseorang *Muhtasib* iaitu Islam, merdeka, berakal, baligh dan adil serta ditambah lagi kriteria iaitu berpengetahuan tentang hukum syariah dan pencegahan kemungkaran, berkelayakan dan mendapat tauliah pemerintah.

Manakala bidang tugas *Muhtasib* dapat dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu *al-Amr bi ma'ruf* (menyuruh kepada kebaikan) dan *al-Nahyu 'an al-Munkar* (pencegahan kemungkaran) (Al Ghazali, 1980). Menurut Al Mawardi (1966), Ibn Al Farra (1938), Al Ghazali (1980) dan Ibn Al Ukhluwwah (1976) menyatakan bahawa terdapat tiga komponen di dalam kategori-kategori tersebut iaitu perkara-perkara yang melibatkan hak Allah, yang melibatkan hak manusia dan melibatkan kedua-dua hak iaitu Allah dan manusia.

Menurut Mardzelah Makhsin (2010) tugas *Muhtasib* berdasarkan penulisan klasik dan moden secara teori dan praktikal menyebut terdapat empat bidang tugas utama di bawah kategori dan komponen yang disebutkan di atas iaitu mengawal selia aktiviti perekonomian, menjaga ibadah dan perilaku yang menyalahi hukum agama, mengawal kesihatan dan mengawasi industri ubat-ubatan dan mengurus hal ehwal perbandaran dan menjaga ketenteraman bandar.

Secara umumnya, tugas *Muhtasib* melibatkan tiga perkara di bawah bidang tugas berkaitan menjaga ibadah dan perilaku yang menyalahi hukum agama iaitu mengawasi perkara-perkara berkaitan ibadah khusus, mengawasi perbuatan yang tidak bermoral dan mengawasi perbuatan memiliki perkara yang dilarang (Ahmad Che Yaacob, 1999).

Prosedur Standard Operasi yang perlu dipastikan dalam operasi serbuan dan tangkapan khalwat adalah seperti berikut: -

a) Prosedur Standard Operasi Secara Umum

i. Niat Asal Dilakukan Atas Dasar *Siyasah Syari'yyah* oleh Pemerintah

Kita perlu memahami bahawa di dalam memahami dalil-dalil al-Quran dan hadith berkenaan larangan intipan. Hak dan harta peribadi seseorang boleh dicerobohi oleh pemerintah Muslim apabila disasarkan tindakan itu kepada satu maslahat yang lebih umum dan luas. Bagaimanapun, sebagaimana di sebut tadi, ia mestilah dilakukan dengan adab menurut garis panduan tertentu.

Dalam hal menyerbu bilik-bilik hotel, ianya harus dilakukan terutamanya apabila mendapat laporan yang diyakini benarnya. Manakala, ketika tiada terdapat laporan,

serbuan juga boleh menjadi harus untuk dilakukan demi mencapai salah satu di antara *Maqasid Shariah*, iaitu menjaga keturunan dan menjaga maruah umat Islam.

Antara objektif Syariah dalam mengharamkan perbuatan zina adalah kerana ianya boleh menjelaskan salasilah keturunan umat manusia, menyebabkan hubungan keturunan terancam, selain itu zina dan khalwat boleh menyebabkan maruah tercalar, berlakunya tuduhan zina tanpa saksi yang cukup dan sebagainya. Untuk itu, menjadi satu tujuan yang sahih untuk mencari jalan agar seluruh kemungkinan yang boleh membawa kepada zina di tutup sekadar kemampuan yang ada. Ia dinamakan '*Sadd Zari'* atau (menutup peluang zina) di bilik hotel yang 'urfnya menjadi lokasi maksiat yang strategik. Ia berbeza dengan serbuan di rumah yang jarang berlaku dan tidak sepatutnya dilakukan kecuali apabila terdapat laporan yang benar-benar dipercayai. Perlu difahami akan bezanya intipan di rumah dan intipan di hotel dan tasik di malam hari serta lain-lainnya.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyusah dan menimbulkan rasa takut serta bimbang pelaku maksiat untuk bersenang-senang ke hotel bagi melakukan perzinaan, khalwat dan lain-lain aktiviti maksiat atau jenayah. Bagaimanapun, kekerapan serbuan tanpa laporan ini perlulah rasional dan dipantau agar tidak keterlaluan. Ini bermakna, serbuan dan tangkapan khalwat tanpa laporan dibuat atas dasar *Siyasah Syar'iyyah*.

ii. Bertindak Berasaskan Bukti dan Laporan Berwibawa

Pertama: Pendengaran, seperti terdengar percakapan pasangan tentang hasrat mereka untuk melakukan jenayah khalwat atau zina; maka di ketika itu adalah harus mengintip dan menyiasat.

Kedua: Risikan melalui unit risikan di Bahagian Penguatkuasaan.

Ketiga: Penglihatan mata yang merupakan langkah paling jelas.

Keempat: melalui sentuhan, sebagai contoh sentuhan dengan niat jahat lelaki terhadap seorang wanita dijadikan dalil dan bukti terhadap niat lelaki yang tersembunyi.

Apabila terdapat tanda-tanda seperti ini dalam kes khalwat di hotel dan lainnya, serbuan dan penyelidikan adalah harus dilaksanakan dengan hemah dan adab. Untuk itu, Jabatan Agama perlulah menyediakan garis panduan standard dan kursus bagi para penguat kuasa agar mereka lebih berilmu.

b) Prosedur Standard Operasi Secara Khusus

- i. Memastikan semua pegawai yang dihantar adalah terlatih dan berilmu dalam tugasannya yang ingin dilaksanakan. Termasuklah pegawai sukarela atau orang awam yang dilantik, ini kerana ia membawa imej sesebuah jabatan agama itu.
- ii. Mestilah bertindak menyerbu dengan laporan sahaja jika dalam keadaan biasa, kecuali jika statistik dan data menunjukkan sesebuah hotel itu adalah sarang pelacuran dan maksiat.

- iii. Jangan mengintai dan sengaja menunggu hingga dapat melihat sesuatu yang tidak harus baginya untuk melihat, tetapi perlulah terus memaklumkan dengan lantang akan kehadiran mereka sebagai Jabatan Agama. Sama ada dengan terus mengetuk pintu.
- iv. Jangan terus memasuki bilik hotel yang diserbu, sebaliknya meminta si lelaki membuka pintu terlebih dahulu. Pegawai bertugas tidak perlu bersusah payah berlari di setiap sudut bilik hotel bagi mencari suspek wanita atau lelaki.
- v. Jangan terus membuka semua pintu bilik air dan menarik selimut sebaliknya mengarahkan lelaki (atau wanita) berkenaan untuk memanggilnya keluar atau jika dinyatakan bahawa ia adalah isterinya. Pihak Jabatan perlulah bersangka baik dan memberi ruang agar pihak isteri menutup aurat dengan sempurna dan kemudian barulah mereka kembali memastikan status wanita itu. Ini kerana dikhuatiri dia adalah isteri sebenar bagi lelaki yang bersamanya.
- vi. Jangan mengejar sehingga boleh menyebabkan jatuh dari tingkat tinggi sehingga menyebabkan kecederaan atau kematian. Asasnya berdasarkan konsep “Jangan mudarat dan memudaratkan”.

Perbuatan yang ditegah oleh syarak iaitu perbuatan yang jika dilakukan akan mendapat dosa dan jika ditinggalkan akan mendapat pahala merupakan perbuatan yang tidak bermoral. Tujuan pengawasan moral ini lebih tertumpu bagi memastikan masyarakat mematuhi akhlak Islam (Mardzelah Makhsin, 2010). Al Sunami (1978) juga menegaskan bahawa antara perbuatan tidak bermoral yang ditegah dalam Islam ialah meminta sedekah bagi mereka yang berkemampuan, perbuatan mewarnakan rambut, tenung nasib dan sihir, serta sebagainya. Sebagai ilustrasi, perbuatan menghampiri zina juga termasuk dalam kategori haram. Sekiranya berlaku, pemisahan di antara kaum lelaki dan perempuan di tempat tertentu seperti di laluan yang sunyi haruslah dilakukan oleh *Muhtasib*. Walau bagaimanapun, bagi laluan yang luas yang dipenuhi dengan orang ramai larangan ini tidak terpakai (Ibn al Farra', 1938).

Penutup

Hisbah perlu diinstitusikan secara realistik dan sistematik sebagai sebuah badan yang menjalankan tanggungjawab yang selari dengan konsep *Hisbah* sebenar. Secara umum, Negara kita telah melaksanakan konsep *Hisbah* dalam bentuk yang tersendiri tanpa penjenamaan sesebuah institusi secara khusus sebagai “institusi *Hisbah*”. Peranan dan fungsi *Hisbah* diberikan kepada jabatan penguatkuasaan sebagai contoh, Bahagian Penguatkuasaan Syariah, Jabatan Agama Islam di negeri-negeri. Isu penguatkuasaan dan pencegahan merupakan masalah utama dalam usaha menjayakan konsep *Hisbah* yang sebenar.

Kewujudan Bahagian Penguatkuasaan di bawah JAIN seluruh Malaysia bertanggungjawab dalam melaksanakan bidang tugas menyeru umat Islam kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran adalah selaras dengan kewujudan bidang tugas yang dipertanggungjawabkan terhadap institusi *Hisbah*. Namun begitu, bidang tugas yang dilaksanakan oleh JAIN hanyalah terhad terhadap aspek ritual dan moral sahaja. Sebaliknya, institusi *Hisbah* secara teorinya mempunyai bidang kuasa yang luas merangkumi aspek sosial, ekonomi dan pentadbiran.

Selain itu, peranan dan fungsi yang dimainkan oleh PPA di bawah JAIN adalah sama dengan fungsi yang dimainkan oleh *Muhtasib* di bawah institusi *Hisbah*. Prinsip *al-amr bil makruf wa nahyu anil munkar* yang dilaksanakan oleh *Muhtasib* turut menjadi prinsip yang dijunjung dan dimartabatkan oleh PPA. Beberapa kriteria tentang perlaksanaan tugas *Muhtasib* bagi menepati kehendak hukum syarak yang ditetapkan oleh ulama' terdahulu turut diimplementasikan oleh PPA.

Rujukan

- ‘Abd al-Karim Zaydan.(1998). *Nizam Al Qada’ fi al Syariaat al Islamiyah*. Beirut:al Risalah Publishers
- Abd Rahman al-Jaziri. (1969). *Kitab al-Fiqh ‘Ala Mazahib al-Arba‘ah*. Jili 4. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Abd. Allah Muhammad ‘Abd Allah.(1996). *Wilayat al Hisbah fi al-Islam*. Kaherah:Maktabah al-Syuara’.
- Abu Bakr Muhammad al-Sarkhasi. (t.th). *al-Mabsut*. Juz. 6. Beirut: Dar al-Ma’rifat.
- Ahmad Che Yaacob.(1999). Penulisan Fuqaha Mengenai *Hisbah* dan Peranannya Di Dalam Merealisasikan Hukum Fiqh di dalam *Jurnal Syariah* Edisi 7 Jilid 2, Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Malaya
- al-‘Ayni, Badr al-Din Mahmud Ibn Ahmad.(t.th). *‘Umdat al-Qari, Syarh Sahih al-Bukhari*. Juz 16. Beirut: Dar al-Fikr. al-Bukhari,
- al-Bustani. (t.th). *Kitab al-Muhit: Qamus al-Matawil al-Zughah al-‘Arabiyyah*. Jil.1.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad (1980) *Ihya’ Ulumuddin*, Beirut: Dar al Rasyad al Hadithah
- al-Marbawi, Muhamad Idris Abdul Rauf. (t.th). *Qamus al-Marbawi*. Mesir: Mustafa al-Bab al-Halabi.
- al-Mawardi, Abu Hasan Ali Ibn Muhammad. (1966) *Al Ahkam Al Sultaniyyah*.Kaherah: Matbaat Mustafa al-Babi al-Halabi
- al-Nawawi, Yahya b. Sharaf (1994), *Sharh Sahih Muslim*, Dar al-Khayr: Beirut
- al-Qaradhawi, (1984) *Min Fiqh al-Daulah fi al-Islam*, Kaherah: Dar al-Syuruq.
- al-Shayzari, Abd al-Rahman ibn Nasr. (1946) *Nihayat al-rutbab fi at talab al-Hisbah* Kaherah:Matbaat Lujnat al-Ta'lif wa al-Tarjamah wa al-Nashr.
- al-Sunami, Umar Ibn Muhammad. (1978). *Nisab Al Ihtisab*. Diolah semula oleh M.Y. Izzidien tentang Nisab al Ihtisab Umar Ibn Muhammad Al Sunami dalam Tesis PhD. University of Manchester.
- al-Suyuti, Imam Jalaluddin.(2003).*Tafsir Jalalain* versi Terjemahan Melayu oleh Bahrun Abu Bakar, Sinar Baru Algensindo:Bandung
- al-Tabari, Muhammad Ibn Jarir, (2001). *Tafsir At Tabari*, Kaherah: Markaz al Buhuts Wa ad Dirasat al-‘Arabiyyah Wa al Islamiyah dan Dar Hijr.
- al-Tirmidhi, Abu ‘Isa Muhammad b. Yazid al-Ghazwani, (1980). *Sunan Ibnu Majah*. JIL 2. Mesir: Isa al-Babi al-Halani
- Ibn al-Farra, Abu Ya’la Muhammad ibn al-Husayn ibn Muhammad ibn Khalaf. (m. 458/1066). (1938). *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Kaherah.
- Ibn al-Ukhuwwah, Muhammad ibn Muhammad ibn Ahmad al-Qurashi.(1976). *Maalim al-qurbah fi ahkam al-Hisbah*. Kaherah: al-Hay'at al-Misriyyah al-Ammah
- Ibn Katsir. (1999) *Tafsir Al-Qur'an Al-Adzim*, (Beirut: Dar Thayyibah, 1999).
- Ibn Khaldun, Abd al-Rahman. (1405M). *Muqaddimah* Beirut: Dar al-Kutub al-Arab
- Ibn Taimiyyah, Imam Taqiyuddin Abu Abbas Ahmad (1982) Public Duties in Islam: The Institution of the *Hisbah*, diterjemah oleh Muhtar Holland, Leicester: Islamic Foundation
- Ibn Taymiyyah, Ahmad b. ‘Abd al-Halim (1976), *al-Amr bi al-ma ‘rūf wa al-nahy ‘an al-munkar*, Dar al-Qalam: Beirut
- Mahy ad-Din Sabir. (t.th). *Kamus Mu'jam al-‘Arabi al-Asasi*.
- Mardzelah Makhsin. (2010). *Hisbah Sistem Pengawasan Dan Etika Pengurusan Islam* Sintok: Penerbit UUM
- Mohd.Parid Sheikh Ahmad & Mohd. Azmi Omar (1991). Pengurusan Perniagaan Islam. Kuala Lumpur: Hizbi Sdn. Bhd

- Muhamad Abu Zahrah. (1958). *Muhadarat fi Aqd al-Zawaj wa Atharuhu*. Ma'had al-Dirasat al-Arabiayah al-'Aliayyah.
- Muhamad Amin Syahir Ibn 'Abidin. (1996). *Hasyiyah Ibn 'Abidin*. Jil 3. Mesir: Syarikat Maktabah Wa Matba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Muhammad Abd al-Qādir. (1986). *Al-Nizam al-siasi fi al-islam*. Jorden: Dar al-Furqān. Ḩammān.
- Muslim, Abu al-Husayn, Muslim bin al-Hajjaj al-Nasaiburi. (1981), *al-Sahih*. Beirut: Dar al-Jil & Dar al-Afaq al-Jadidah. Kitab al-Salam.
- Teuku Iskandar. (2000). Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya Ibn Umar. (1956) "Kitab Al Ahkam al-Saq". Diedit oleh M. A. Makki, *Revista de Instituto Egipcio de Estudios Islamicos*.
- Zaid Hussin Al-Hamid. (1984). Dosa-Dosa Besar Dalam Islam. Surabaya: Al-Qo'noah Surabaya.
- Zainal Abidin Safarwan. (t.th). Kamus Besar Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.